KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JKPTG			

Mangsa tanah runtuh kosongkan kediaman

Kuala Lumpur: Dua keluarga yang rumah mereka mengalami tanah runtuh di Jalan 1/27D, Seksyen 6, Wangsa Maju, di sini sudah mengosongkan kediaman, manakala tiga lagi masih kekal di situ.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan perkembangan kes itu menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, khemah sementara turut didirikan di kawasan berkenaan bagi membolehkan agensi keselamatan membuat pemantauan 24 jam.

Ia termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

"Sebanyak lima rumah terkesan ekoran kejadian tanah runtuh yang berlaku di tanah persendirian itu dan membabitkan 28 mangsa daripada lima keluarga.

"Anggota penyelamat daripada pelbagai agensi dan Majlis Perwakilan Penduduk Setiawangsa bergegas memberikan bantuan awal sebaik maklumat," kata kenyataan itu.

Terdahulu, jurucakap Pusat Gerakan Operasi JPBM Kuala Lumpur menerima dua laporan tanah runtuh di Taman Gembira dan Seksyen 6 Wangsa Maju, di sini petang kelmarin.

Tiada mangsa dilaporkan cedera dan tiada rumah rosak di Taman Gembira, namun tanah runtuh di Seksyen 6 Wangsa Maju memaksa penghuni dibawa keluar demi keselamatan.